

**SEMINAR**

**Status Estetika**  
**Dalam Kehidupan Kontemporari**

**8-9 NOVEMBER 1997**

**MEMAHAMI ESTETIKA SENI PERSEMBAHAN  
SEBAGAI MEDIA TRADISIONAL PERLU DITINGKATKAN  
UNTUK MENDAPATKAN KEHIDUPAN YANG HARMONI**

*Drs. Mohd Nefi Imran B. Djamaan  
Pusat Bahasa dan Seni, IKIP Padang, Sumatera*

**ANJURAN:**

Jabatan Pengajian Media

**TEMPAT:**

Auditorium

Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan (IPSP),  
Universiti Malaya

# **MEMAHAMI ESTETIKA SENI PERSEMBAHAN SEBAGAI MEDIA TRADISIONAL PERLU DITINGKATKAN UNTUK MENDAPATKAN KEHIDUPAN YANG HARMONI<sup>1</sup>**

Oleh

**Drs Mohd Nefi Imran B. Djamaan.<sup>2</sup>**

## **1. Pengenalan**

Saya mulakan makalah ini dengan memberikan laporan dan mengetengahkan sebuah kumpulan kesenian Universiti Malaya (KESUMA). Kumpulan tersebut telah ditubuhkan pada tahun 1974 atas gagasan sekumpulan mahasiswa-mahasiswi dan bekerjasama dengan Pusat Kebudayaan Universiti Malaya. Adapun tujuan utama dari kumpulan ini adalah memberi peluang kepada mahasiswa yang berbakat dalam bidang kesenian, terutamanya muzik dan tarian. Dengan pelbagai kemudahan dan latihan yang teratur setiap tahunnya, kumpulan ini telah berjaya melakukan persembahan di dalam dan di luar negara seperti Thailand, Indonesia, Pilipina, Hongkong bahkan hingga ke beberapa negara di Eropah dan Amerika.) Mengikut jadualnya lawatan budaya ini diadakan setiap tahunnya ke luar negara. Dan pada tahun ini 1997, kumpulan Kesuma itu telah berpeluang melakukan tiga kali persembahan dan mengadakan lawatan budaya; pertama pada bulan Julai ke Sumatera-Indonesia, kedua pada bulan September ke Chili-Amerika dan ketiga pada pertengahan Oktober ke Thailand.

Apa yang menjadi perhatian penulis di sini, bererti kumpulan ini turut memperkenalkan estetika Budaya Malaysia dan mereka mewakili sebahagian mahasiswa untuk mendedahkan kepelbagai bentuk dan ragam muzik serta seni tarian Malaysia. Di

<sup>1</sup> Tajuk kertas kerja ini disampaikan dalam Seminar "Estetika Dalam Kehidupan Kontemporari" yang diselenggarakan oleh Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, (IPT; 8-9 November 1997).

<sup>2</sup> Mohd Nefi Imran B. Djamaan, (Drs, BA), adalah pensyarah di Fakulti Bahasa dan Seni, IKIP Padang Sumatera Barat, Indonesia. Sekarang pelajar Master di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya.

samping itu, kepada pelajar yang turut menyertai kumpulan dalam lawatan budaya tersebut, mereka akan berpeluang untuk meninjau pula perkembangan dan kebudayaan serta sistem sosial masyarakat yang disinggahinya, hal ini suatu pertanda adanya peningkatan apresiasi. Dan mereka sangat bertuah memiliki pengalaman dalam pelbagai persembahan dan menikmati alam semulajadi di negara orang lain.

Di samping itu, penulis telahpun berpeluang menyertai kumpulan KESUMA di beberapa negara dan turut serta mengadakan persembahan di Malaysia ini. Setelah sekian lama memperhatikan kumpulan budaya KESUMA ini, sebenarnya lawatan budaya yang setiap tahun di adakan, bukan sahaja semata-mata sebagai lawatan seni persembahan muzik dan tarian. Yang lebih penting adalah suatu kumjungan yang memberikan pendedahan nilai estetika daripada seni budaya Malaysia, dan menyertai pesan-pesan yang disampaikan disebalik makna yang diketengahkan dalam repertoar-repertoar persembahan tersebut. Terutamanya makna budaya dan adat resam dalam erti bahagian-bahagian yang lain daripada estetika keindahan bangsa Malaysia dengan temperamen dan perwatakan orang-orang Melayu.

Melalui muzik dan tarian, di sini keindahan boleh dinikmati dan diperhatikan oleh orang-orang lain, bukan sahaja dari sisi gerak geri, irama lagu, warna pakaian, peralatan, ataupun keunikan cara persembahan. Tetapi banyak faktor yang boleh diperolehi dan diketengahkan dalam sesebuah perjalanan budaya ke negeri orang. Jelasnya masyarakat yang dituju tentunya belum mengenali lebih jauh tentang latarbelakang budaya Malaysia. Oleh itu, banyak orang ramai menginginkan untuk berpeluang menyaksikan persembahan budaya yang dipertunjukan oleh kumpulan KESUMA sebagai "duta seni" ke luar negara. Di samping lawatan persembahan budaya secara am, khususnya adalah memperkenalkan estetika daripada keindahan yang terselip disebalik budaya itu sendiri. Banyak cara seseorang atau masyarakat melihat keindahan muzik dan tarian. Begitu juga untuk karya seni yang lain. Sudah tentu setiap orang akan melihatnya dari sudut pandangan yang berbeza-beza dan mereka memberikan penilaian yang tersendiri pula sesuai dengan objek seni yang diamatinya.

Oleh itu, bagaimana dengan keindahan dan tingkat pemahaman seni yang dimiliki oleh ahli-ahli kumpulan KESUMA. Selama mengikuti lawatan budaya bersama kumpulan ini, mereka akan mempersiapkan, membuat persembahan sebaik-baik dan seelok mungkin untuk mendapatkan sambutan yang menggalakan. Tampaknya persoalan yang asas dalam kumpulan KESUMA ini adalah faktor "kesederhanaan" iaitu mereka akan mempersesembahkan jenis muzik dan tarian yang ada di dalam budaya Malaysia hari ini dengan menekankan unsur-unsur kerakyatan sebagai kesenian yang berkembang di tengah-tengah masyarakatnya dahulu dan sekarang. Dan persembahan itu diperkenalkan kepada orang ramai sebagai warisan budaya tradisional mereka, meskipun di sana-sini terdapat sentuhan dari budaya bangsa lain yang telah dilukiskan dalam sejarah seni persembahan Malaysia masa kini. Namun, kekuatan yang ada dalam kumpulan ini ialah memilih tarian yang sederhana sifatnya dengan irungan muzik yang berkembang di masyarakat dalam bentuk yang sederhana pula seperti irama lagu Asli, Inang, Joget dan Zapin. Atau dalam rekaan irama Gamelan, Kulintang (warna muzik Sabah dan Sarawak) serta petikan sebuah *Sape* turut mengiringi sebuah tarian Datun Julud dalam suasana kesahduan dan keheningan.

## 2. Estetika dalam persoalan

Dalam memperbincangkan estetika, tampaknya kita akan berhadapan dengan pelbagai persoalan-persoalan yang berhubungkait dengan aspek "keindahan". Mungkin sesuatu karya sastera atau karya seni bagi sesetengah orang akan kurang memiliki nilai-nilai keindahannya. Sedangkan pada orang lain pula melihat sesebuah objek yang sama akan mempunyai nilai estetik keindahan yang tersendiri dan mengandungi erti khusus dalam perasaannya, yang kadang-kadang selalu diiringi dengan suasana rasa penghormatan, kegembiraan dan mengagumi. Serta menempatkan karya seni yang indah itu sebahagian dari cara dan gaya hidup mereka. Hinggakan abad ke 20-an ini merupakan aliran kritik masyarakat mengenai falsafah keindahan.<sup>3</sup> Dan falsafah keindahan selalunya

<sup>3</sup> Fx. Mudji Sutrisno SJ dan Christ Verhaak SJ. *Estetika: Filsafat Keindahan*. Yogyakarta: Pustaka Filsafat, Penerbit Kanisius, 1993, hlm. 63-64.

mempersoalkan hubungan yang erat antara karya seni ciptaan seniman dan keperluannya bagi masyarakat ramai.

Oleh demikian, akan muncul pesoalan bagi kita semua, "apa itu keindahan"? , "bagaimana sesuatu itu dapat dikatakan indah"? , "apa yang membuat sesuatu itu indah"? , "siapa yang mencipta keindahan itu"? . Dapatkah keindahan itu berguna dalam kehidupan manusia?. Akhirnya, bagaimana pula cara kita mempelajari keindahan itu?.

Untuk menjawab semua pesoalan di atas tentunya akan memerlukan masa yang panjang dan dialog warung kopi yang berterusan. Kadang-kadang seseorang sarjana akan mempertahankan pendapatnya untuk memberikan pengertian tentang keindahan atau estetika itu mengikut cita rasa dan susunan perkataan yang mereka tulis. Ringkasnya, yang jelas di sini estetika sangat berhubungkait dengan pengetahuan falsafah yang melatarbelakangi hasil keindahan karya seni itu sendiri. Memahami ilmu pengetahuan falsafah, kita akan berhadapan dengan ketegasan tentang realiti yang dihadapi manusia. Dan kebanyakan cabang ilmu ialah mencari pemahaman untuk dapat diterapkan dan bertindak dalam hidupan sehari-hari. Sebaliknya di antara pengetahuan falsafah itu adalah kegiatan yang bersifat refleksif. Yang direfleksikan hanya prinsip-prinsip apa sahaja, tanpa terbatas pada bidang atau tema tertentu.<sup>4</sup>

Di masa lampau ilmu *aesthetics* atau pengetahuan keindahan selalunya dikaitkan oleh sarjana dan pemikir-pemikir dengan kesenian, agama, falsafah dan kepercayaan tertentu untuk mendapati pengertian dan fungsinya dalam kehidupan sesebuah perilaku budaya atau tamadun. Masalah estetika selalunya menjadi perbincangan yang mendalam pada masa lampau, misalnya bagaimana orang-orang di zaman Yunani Kuno, di Roma, di Mesir, di India, di Cina dan bahkan di Alam Melayu ini menempatan estetika dalam tamadun budaya dan pengetahuan mereka untuk mengisi perkembangan budaya yang telah dimilikinya bersama. Terutamanya pada karya-karya agung yang *adiluhung* dan

<sup>4</sup> Anton Bakker dan Achmad Charris Zubair. *Metodologi Penelitian Filsafat*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 1990, hlm. 15.

memberikan perubahan bermakna dalam sanubari seseorang untuk membaca, melihat, menikmati dan merasakan karya-karya yang mempunyai nilai keindahan dan keunikan tersendiri itu.

Sebagai contoh, keindahan dan keagungan daripada karya sastera, teks sastera sufi, bangunan-bangunan yang diiktiraf sebagai keajaiban dunia seperti Candi Borobudur, Tembok Besar Cina, Menara Pisa, Taj Mahal dan sebagainya. Begitu juga muzik dan opera kolosal lainnya bersamaan dengan benda-benda budaya yang disimpan di merata muzium, serta pelbagai jenis dan bentuk tarian klasik dan tradisional diseluruh dunia. Semuanya dapat memberikan makna keindahan yang menakjubkan dan meningkatkan rasa apresiasi seni yang memberangsangkan jiwa penikmatnya.

### **3. Estetika di Barat dan di Timur**

Kebanyakan para sarjana dan masyarakat awam selalu mepersoalkan antara estetika Barat dan Timur. Dan kadang-kadang menjadi perdebatan yang sengit untuk meninjau aspek estetika di kedua-dua belah ini. Meskipun di antaranya saling terjadi sentuhan yang selalunya pinjam meminjam tanpa disedari ataupun tidak. Namun, keasimilasian daripada keindahan selalunya terjadi dan saling isi mengisi di antara satu budaya dengan budaya yang lain dan ini berterusan sepanjang zaman. Kita dapat membezakan mana yang dapat dikategorikan kepada estetika Barat dan mana pula bahagian dari estetika budaya Timur. Di Barat mereka telah mengasaskan estetika mengikut fahaman dan cara kebaratan yang bermula berkembang di Yunani Kuno. Sedangkan perkembangan estetika Timur mungkin dapat dirujuk kepada penyebaran budaya dan tamadun Arab, India dan Cina. Dan faktor falsafah dan agama selalu menyertai dorongan bentuk estetika Timur ini. Sehingga percampuran budaya tersebut memberikan kepada kita genre atau gaya yang telah sekian lama diolah dan disesuaikan oleh masyarakat dalam dunia estetika budaya dan seni di Alam Melayu-Nusantara.

Plato (428-348) yang di dunia Barat adalah dikenali sebagai seorang ahli filosofi yang pertama, dalam seluruh karyanya selalu mengemukakan pandangan yang meliputi semua aspek-aspek estetika. Bahkan dalam perjalanan sejarah falsafah ia selalu diperbincangkan hingga masa kini. Keindahan mengikut Plato dapat dibahagikan menjadi dua, iaitu; yang satu mengingatkan akan seluruh falsafahnya tentang dunia "idea" sedangkan yang lain nampaknya lebih membatasi diri pada dunia yang "nyata" ini.<sup>5</sup> Seterusnya, Plato pula memandang keindahan dengan teori metafisika. Dan menghuraikan keindahan itu ialah realiti yang sungguh-sungguh, sejenis hakikat yang abadi dan tidak berubaha-rubah.<sup>6</sup> Kemudian, bangsa Egyp di Mesir, memcadangkan seni tari klasik telah didokumentasikan dan ditulis lebih kurang tiga juta tahun yang lalu. Ini terbukti pada panel dinding istana sebagai penambah semangat dan memiliki estetika yang luar biasa. Plato telah menceritakan tentang filosofi dari tari, yakni menceritakan hal yang berhubung dengan kecantikan dan imitasi dari gerak badan. Seperti yang kita kenali dengan tarian sekarang ini.

Tentang dunia idea yang selalu muncul dalam pelbagai karya sastera dan seni, adalah bagaimana kita dapat menghubungi keindahan itu dengan benda material. Misalnya gerak geri tubuh manusia, bahkan cat dengan kain putih, atau pasir dengan bahan perekat batu. Bila semuanya telah diubah menjadi karya seni atau katakanlah menyebut sebuah seni tarian, seni lukisan atau seni arkitek dan kalau semua orang mengatakan itu indah, barangkali kesepakatan itu perlu dilanjutkan untuk meningkatkan pengalaman keindahan dan apresiasi. Kerana lebih jauh lagi kita diajak untuk mengingat pada hal-hal yang lebih indah, elok, dan sempurna daripada tubuh kita iaitu ialah "jiwa" yang mempengaruhi tingkat kesedaran pemberian keindahan kepada sesuatu objek yang dilihat.

Sampai pada persoalan ini, idea yang asas dalam seni adalah sesuatu yang indah dan itulah keindahan yang memiliki nilai yang tersendiri dan unik sebagai sumber

<sup>5</sup> Ibid; Mudji dan Christ., *Estetika: Filsafat...*, 1993, hlm. 25.

<sup>6</sup> Sidi Gazalba. *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1977, hlm. 21-22.

keindahan. Semua keindahan yang lain hanya menompang dan turut mengikut pada bahagian keindahan dalam dunia idea itu. Dengan perkataan lain dunia idea itu sama halnya seperti idea kebenaran atau kebaikan.

Kemudian, tentang dunia nyata pula dapat diertikan bahawa yang indah itu dalam sesebuah karya seni dan menjadikan sumber segala keindahan ialah yang paling sederhana (Lihat; asas kesederhanaan dalam kumpulan Kesuma). Dan penulis dapat membentangkan suatu kenyataan bahawa, "yang kecil itu selalu adalah indah". Sebagai contoh dalam keindahan yang sederhana misalnya rentak nada yang sederhana dalam kebanyakan tarian rakyat atau warna yang sederhana dalam pelbagai lukisan. Di sini, apa yang saya maksudkan "sederhana" ialah segala bentuk dan ukuran yang tidak dapat diberikan batasan-batasannya ataupun ukurannya berasas kepada sesuatu yang "lebih sederhana" lagi. Oleh kerana itu, dalam pandangan ini saya menyarankan dan mempertahankan bahawa kesederhanaan ialah ciri-ciri khas daripada keindahan, baik di dalam alam mahupun di dalam hasil karya seni.

Untuk mendapatkan gambaran itu, banyak contoh dalam karya seni yang boleh dijumpai, termasuk juga keadaan alam semulajadi. Pada seni persembahan, misalnya tarian Asyik, Timang Burung atau tarian Serimpi dan Bedhaya yang dicipta lebih kurang seratus atau duaratus tahun yang lalu. Semua tarian itu boleh dikategorikan kepada tarian klasik istana disebabkan nilai estetiknya yang cukup tinggi. Berbanding dengan dunia tarian masa kini yang mempunyai pelbagai lebel tarian Kontemporari. Tarian yang disebutkan di atas, mungkin tidak dapat mewakili jiwa masa kini (Temporer) kerana gaya dan watak yang dihadirkan dalam persembahan itu adalah jiwa tarian yang berhubung dengan keadaan masa serta falsafah yang dikandungi mengikut budaya dan keperluan tertentu. Di mana tarian itu buat jolongkali dicipta dan dipersembahkan adalah untuk keperluan dan fungsinya yang tertentu pula oleh sekumpulan kecil masyarakat di dalam tembok istana.

Mengikut Umar Kayam, seni istana merupakan "seni-fungsional". Iaitu, yang satu mengabdikan diri pada kosmos lingkungan petani, dan yang satu lagi mengabdikan pada pusatnya kosmos yang mencakup lingkungan lebih menyeluruh iaitu Sang Raja.<sup>7</sup> Edi Sedyawati pula menyebutkan sebagai kesenian istana yang merupakan satu unsur kekuatan penegak wibawa raja.<sup>8</sup> Memang, dan kita tidak dapat memungkiri bahawa tarian itu ialah sebuah struktur persembahan yang sederhana sekali dan banyak orang ramai tidak dapat memahami konteks estetik keindahannya dan tingkat falsafahnya yang tinggi. Tetapi sebaliknya, bila kita mendalami lebih jauh lagi, kita akan menemukan beberapa persoalan yang terselip disebalik persembahan itu dan ia sukar difahami dalam masa yang singkat. Misalnya, katakanlah kita akan bersua dengan persoalan seperti;

- 1) Bagaimana sejarah yang dilukiskan dari gagasan idea atau tema yang disampaikan;
- 2) Penomena apa yang berlaku di masa penciptaan tarian itu;
- 3) Semua gerak geri memberi gagasan cermerlang untuk menangkap simbol-simbol alam;
- 4) Karya tari ini berhubung dengan peristiwa kekuasaan dan hargadiri seseorang penguasa; dan
- 5) Selalu dikaitkan dengan mitologi yang menjadi perhatian khusus oleh pengasas dan orang-orang tertentu.

Keadaan perkembangan estetika masa kini, khususnya dalam bentuk dan fungsi seni persembahan sudah berubah dan banyak di antara masyarakat tidak lagi memperdulikan hal-hal yang bercirikan lama, usang ataupun tradisi, seperti beberapa jenis tarian yang disebutkan di atas. Seratus bahkan dua ratus tahun yang lalu bentuk tarian ini telah dicipta berdasarkan kepada keindahannya tersendiri dan taat mengikut kaedah-kaedah yang berlaku di dalam sikap dan penggiat tarian tersebut. Di samping itu, faktor etika, adab, norma, kelembutan, kehalusan dan kesopanan serta berpuasapun turut pula memegang peranan di dalam mempersempahkan tarian ini di masa lampau.

---

<sup>7</sup> Umar Kayam. *Seni, Tradisi dan Masyarakat*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, 1981, hlm. 61.

<sup>8</sup> Edi Sedyawati. *Pertumbuhan Seni Pertunjukan*, Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, 1981, hlm. 27.

Persoalan yang utama bagi kita sekarang, mampukah kita menangkap atau memahami nilai-nilai estetiknya yang muncul di dalam persembahan itu. Hal yang lain mungkin satu pertanyaan boleh pula diajukan dalam kesempatan seminar ini. "Apa yang dapat diperolehi dalam memahami estetika budaya Melayu-Nusantara" untuk mengisi kehidupan masa kini?. Sudah banyak para seniman, pendidik atau pakar-pakar budaya merasa cemas dan gamang untuk menghadapi dunia yang serba moden dan global ini. Percampuran serta sentuhan antara Barat dan Timur tidak dapat dielakan lagi. Terutamanya di sisi "Urban-Etnik" di seluruh dunia Walaupun ia telah bermula dalam masa yang cukup lama dan yang utamanya ialah masalah kebudayaan dan perlakunya budaya itu. Termasuk juga dalam dunia seni persembahan tradisional yang pada masa lampau merupakan sebagai media yang penting di dalam memberikan perhubungan dengan berisyarat pada orang-orang tertentu. Baik dilakukan secara mistik, khayalan, ritual atau ceremonial dalam pesta tertentu. Di samping itu, seni persembahan tradisional memainkan peranan yang penting di dalam memantapkan nilai-nilai estetika pendidikan<sup>9</sup> berbudaya mengikut adat resam sesebuah institusi-institusi adat atau istana yang mendidik dan memberikan pengajaran dalam sesebuah keluarga atau di dalam kumpulan yang digolongkan kepada masyarakat bangsawan-bangsawan tertentu di lingkungan istana di Nusantara ini.

#### **4. Peranan media tradisional**

Sebuah contoh dalam komunikasi media tradisional di Semananjung misalnya persembahan Wayang Kulit atau persembahan Tok Selampit (Rebab) yang pada asasnya masih menggunakan unsur mistik dan semangat ritual di dalam persembahan mereka. Iaitu sesuatu kekuatan dalaman yang turut dipercayai mengikut pandangan mitologi penggiatnya di masa lampau dan sedikit kesannya dijumpai sehingga hari ini. Dan persembahan wayang kulit ini pula memberikan satu keuntungan kepada kita, bahawa

<sup>9</sup> Mohd Affandi Hassan; menegaskan perlunya estetika sebagai unsur penting di dalam pendidikan, kerana ia akan memberikan kesan pendidikan yang mendalam dalam pembinaan sikap yang betul, akal sihat, rohani yang bersih dan pembentukan peribadi yang beradab. Mengemari keindahan adalah sifat

ketahanan yang luar biasa membuktikan pada wayang kulit telah mempunyai fungsi dan peranan dalam kehidupan budaya masyarakat. Singgih Wibisono mengungkapkan satu pernyataan, "Bilamanakah wayang akan mengalami kepunahan sehingga tidak berfungsi lagi kiranya sukar untuk diramalkan".<sup>10</sup> Oleh itu, seni wayang di Alam Melayu-Nusantara ini dapat dijadikan sebagai sarana dalam media komunikasi tradisional atau moden sekalipun dengan memperkembangkannya.

Satu lagi yang menarik dalam persembahan media tradisional, misalnya tarian yang termasuk ke dalam kelompok tarian Orang Asli di Semenanjung, hanya beberapa bilangan sahaja dan ia dapat di kesan di beberapa kawasan Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Kelantan. Penempatan Orang Asli Temiar seperti di Gua Musang, tariannya adalah Sewang, dan kesan estetika persebahannya adalah mengikut kepada suasana alam semulajadi serta cita rasa komuniti mereka. Untuk mengadakan persembahan Sewang bagi mereka sebenarnya adalah tempat berhimpun dan berkomunikasi di tengah malam bulan purnama. Lima tahun kebelakang ini bentuk persembahan Orang Asli sungguh marak sekali dipersembahan terutamanya di sekitaran Kuala Lumpur. Salah satu tarian dan persembahan muzik Orang Asli tempatan telah pula disertai dalam satu Festival Aborigin antarabangsa beberapa tahun yang lalu di Pusat Pelancongan Matic. Mereka turut mengambil bahagian, kemudian dipersembahkan dan diperbandingkan dengan keindahan persembahan muzik Orang Asli (aborigin) negara-negara asing yang berkunjung ke Malaysia.

Persembahan Orang Asli dari Malaysia tersebut mendapat sokongan yang menggalakan oleh penonton pada masa itu. Persoalan yang menarik di sini, apakah mungkin bentuk persembahan yang bersahaja itu dapat dikekalkan dalam persembahan mereka!. Kerana bentuk dan suasana tempat persembahan sudah berbeza dari tempat asalnya. Perubahan apa pula yang terjadi?. Yang jelas konteks estetika persembahan

---

semulajadi manusia. Rujuk, Mohd Affandi Hassan. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 29-32.

<sup>10</sup> Singgih Wibisono. *Wayang Sebagai Sarana Komunikasi*, Dalam; *Seni Dalam Masyarakat Indonesia*. Edi Sedyawati dan Sapardi Djoko Damono (ed). Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia, 1983, hlm. 57-70.

sudah mulai mengalami perubahan. Di mana perubahan itu tidak tampak oleh kita, akan tetapi suasana, jiwa dan rasa persembahan sedikit telah bergeser disebabkan beberapa faktor, misalnya lampu pencahayaan, pentas dan jenis penonton yang menyaksikan. Contoh yang lain, satu kenyataan yang tidak dapat dielakan, iaitu sebuah slot yang ditayangkan melalui rancangan televisyen (Media komunikasi umum) tempatan pada bulan September tahun ini 1997 telah menamparkan bahawa kumpulan Orang Asli mengadakan persembahan di atas sebuah balai khusus dengan irungan muzik buluh yang menyenangkan. Penarinya yang lelaki dan perempuan semua memakai kain sarung batik yang mungkin berasal dari kerajinan kilang di Kelantan ataupun kain batik Jawa yang kononnya menjadi kegemaran sebilangan masyarakat di sini.

Kita barangkali bersetuju dari aspek estetika; "agaknya kurang menyenangi bilamana pakaian kain batik yang dipadukan dengan beberapa rangkaian hiasan pucuk-pucuk kelapa yang unik dan indah, digunakan sebagai kelengkapan persembahan yang tampak menjanggalkan sekali dari sisi harmoni dan suasana". Kalau memang pemasangan kain batik tersebut sesuai dalam aktiviti seni persembahan Orang Asli, itu menandakan satu perubahan estetiknya seni persembahan di dalam membina kesenian Orang Asli di Malaysia. Dari sisi estetika seni persembahan pesoalannya akan menjadi lain, terutamanya dari segi "estetika-budaya" yang ada di rantau ini termasuk juga persoalan etnologi tarian sesebuah etnik.

Pembinaan nilai keindahan seni dan cara meningkatkan apresiasi masyarakat secara tidak langsung akan berpengaruh setelah melihat rancangan televisyen tersebut. Baik ia sebagai penggiat maupun sebagai penonton, kita rasakan sedikit kejanggalan dan mungkin ada cara yang lain untuk memperkembangkan seni budaya Orang Asli itu. Pemilihan dan kebijaksanaan yang lain boleh menambahkan kualiti dan kuantiti sesebuah persembahan yang akan didedahkan kepada masyarakat ramai melalui media elektronik. Oleh kerana itu, disarankan kepada mahasiswa, guru-guru, seniman ataupun jurulatih tarian dan pengamat seni budaya hendaknya dapat memahami dan menjelaskan kepada orang ramai untuk menanamkan sedini mungkin, "apa yang dimaksud dengan nilai-nilai

budaya bangsa dan estetika keindahan itu di sebuah negara yang merdeka". Dengan demikian, melalui perbincangan dan perluasan bidang kritik seni mungkin dapat meningkatkan serta menambah kefahaman apresiasi estetika masyarakat umumnya.

## 5. Tarian upacara dan ritual dalam media tradisional

Tarian yang masuk ke dalam kelompok upacara atau ritual misalnya seperti Menghadap Rebab dalam kumpulan Mak Yong atau dalam kumpulan Ulit Mayang, Main Peteri di daerah pantai timur di Semenanjung. Termasuk juga beberapa seni persembahan yang serupa dalam upacara tertentu pesta Gawai di Sabah, di Sarawak, di Brunei dan Di Indonesia. Selain persembahan Ulik Mayang atau Main Peteri di Alam Melayu ini telah banyak bentuk-bentuk *upacara ritual* atau *sastera mantera*<sup>11</sup> yang sudah hilang dalam amalan oleh kaum Melayu sendiri. Begitupun amalan mistik tertentu dalam budaya Orang Asli dan etnik di perdalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk mengenali sedikitsebanyaknya cara estetika persembahan mereka.

Satu contoh diberikan di sini sebagai perbandingan tarian yang berunsurkan *ritual* atau *semangat* adalah persembahan Indong, berbentuk nyanyian dan tarian Anak Indong dari Ulu Temeling-Pahang. Oleh masyarakat sekarang, ia digolongkan ke dalam bentuk seni persembahan tarian Indong. Mengikut kisah sejarah nyanyian dan tarian Anak Indong ini, yang diceritakan oleh puan Hamiah Hj Ahmad sebagai ketua kumpulan, kemudian dicatat oleh Cik Wan Rahaniza Wan Hasnan. Bentuk persembahannya adalah berunsur semulajadi dan di dalam ceritanya, sedikit sebanyak telah ada mempunyai ciri-ciri persembahan ritual lama dengan keunikian dan keindahan yang tersendiri oleh orang-orang Melayu-Pahang yang erat kaitannya dengan aktiviti pertanian bercucuk tanam di sawah padi. Kumpulan ini telah pun berpeluang dipersembahkan di Kolej Ketujuh Universiti Malaya pada tahun 1993.

<sup>11</sup> Sebuah contoh yang baik teks *Sastera Mantera* tersebut dapat dilihat pada apa dirakamkan oleh Harun, dalam temubual beliau dengan Awang Bin Mat di Perlis pada tahun 1978. Rujuk, Harun Mat Piah. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 68.

Pada kenyataan dalam temubual bersama ahli-ahli kumpulan itu diperolehi, "cerita ini bermula pada zaman dahulukala di sebuah gunung yang diberi nama Gunung Tujuh. Ia dikelilingi oleh enam buah bukit iaitu Bukit Bisik, Bukit Beringin, Bukit Salleh, Bukit Berduri, Bukit Langsat dan Bukit Karim. Di kaki Gunung Tujuh inilah tempat tinggalnya "Puteri Tujuh Beradik" yang cantik-cantik jelita. Mereka juga ada berhuma padi. Apabila padi yang mereka tanam mulai membesar, mereka pun merumput padi tiap-tiap hari. Sambil bekerja, mereka menyanyi dan menari dengan keindahan gerak geri yang khas sambil menggunakan peralatan yang diberi nama *Kiut*. *Kiut* adalah sejenis Sabit pemotong padi atau rumput dan lagu yang mereka nyanyikan ialah "Anak Indong". Kemudian, persembahan seterusnya diikuti dengan lagu-lagu yang lain sebanyak 35 buah lagu (tidak diperolehi jenis lagu yang lain). Di akhir persembahan lagu ini, mereka menyanyikan lagu "Mamulang Anak Indong" kepuncak Gunung Tujuh. Menurut kepercayaan dahulu, sekiranya tidak dipulangkan Anak Indong ini, tempat mereka akan dipukul ribut yang kuat (Pengakuan puan Hamiah Hj Ahmad dari kumpulan ini, suasana ribut petir telahpun terbukti dialami oleh masyarakat di Pahang).

Seterusnya nyanyian mereka telah didengari oleh orang-orang kampung, suara merdu Puteri Tujuh itu menarik perhatian orang-orang kampung, lalu mereka pergi mengintai Puteri Tujuh yang sedang menari dan menyanyi dengan eloknya lagipun suaranya cukup merdu untuk didengari. Alangkah kagumnya mereka dengan keayuan wajah Puteri Tujuh, kemerduan suara dan lemah gemalainya tarian mereka turut menyerikan suasana untuk menemukan estetika yang sempurna. Orang kampung begitu asyik menyaksikan dan terus menghayati tarian dan nyanyian Anak Indong ini. Akhirnya, apabila mereka pulang ke kampung, ketika sampai musim merumput padi, mereka juga turut beramai-ramai menyanyi dan menarikan lagu Anak Indong tersebut. Ia dinyanyikan hingga sekarang. Mengikut kepercayaan lama mereka (kumpulan persembahan) di Ulu Temeling, Anak Indong ini adalah *Puteri Bunian* yang tinggal di Puncak Gunung Tujuh.

Dari pengamatan penulis terhadap bentuk persembahan nyanyian dan tarian Mamulang Anak Indong ini, terdapat struktur persembahan dengan tujuh babak atau tujuh bahagian persembahan yang dirangkai secara berterusan yang sangat indah sekali. Di sisi lain kita terpesona melihat bersahajanya estetika persembahan mereka dan kumpulan ini menyanyi sambil menari bersama sebanyak lapan orang penari perempuan yang berumur antara 30-an sehingga 55-an dalam posisi melingkar dan setengah melingkar. Salah seorang di antara penari utama duduk di tengah-tengah lingkaran dan penari yang melingkarinya saling menghadap sesamanya dan masing-masing memegang sebuah Kiut atau Sabit dengan ukuran kecil. Struktur persembahan itu adalah sebagai berikut:

Babak I: Suara vokal seorang penari 8 hitungan, dan koir 6 hitungan besama, secara perlahan-lahan dan mereka duduk membentuk posisi melingkar di lantai.

Babak II: Mereka menganti pantun dan lagu dalam irama yang berbeza, suara vokal 2 kali 8 hitungan dan koir 2 kali 8 hitungan. Semuanya dilakukan 3 kali rangkap berterusan. Pada bahagian ini mereka saling melaga-lagakan kiut yang dipegang masing-masing. Kemudian mereka sedikit berteriak bersama selama persembahan bagian ke-2 ini, lalu Kiut diletakan di atas lantai seketika sahaja pergerakkan selesai.

Babak III: Dilanjutkan dengan suara vokal 2 kali 8 hitungan. Pada bagian ini disuarakan dengan tarikan satu nafas panjang sebelum masuk ke bagian koir sebagai penyambung ke bahagian lagu yang lain. Mereka borsorak bersama dengan ucapan kata-kata "Hei" sebanyak 3 kali sorakan. Akhir lagu ini, mereka mulai bergerak perlahan dengan penuh keelokan yang bererti mengikut cara mereka semasa di kampung sendiri.

Babak IV: Pada pantun atau lagu yang lain, mereka menyuarakan vokal 2 kali 7 hitungan (lagu tidak sampai), lagipun bahagian ke-2 suara koir ditambahkan 2 kali 7 lagi. Pada bahagian kedua ini lagu agak cepat dan laju sekali rentaknya dari yang sebelum ini. Sedangkan gerak geri duduk sambil menggerakkan badan ke kiri dan ke kanan dengan memukul-mukulkan Kiut ke lantai.

Babak V: Pada pantun dan lagu ini tampak tema syairnya bercerita tentang *Burung Terbang* dengan suara-suara tinggi dan mendayu-dayu. Mereka bergerak dari duduk mulai berdiri tegak dengan posisi mebungkukkan badan. Sehingga menjadikan Kiut di

tangan masih di bagian bawah menghala ke tanah atau lantai dan satu orang penari duduk di dalam lingkaran kumpulan itu. Gerak geri berinsut-insut ke kiri dan ke kanan dan kemudian berjalan mengikuti putar berlawanan dengan jarum jam. Pada bagian gerak geri tertentu semua penari yang berdiri mengangkat kedua tangan agak tinggi dari bahu dan ini menggambarkan siku atau sayap sebagai simbol dari burung yang sedang terbang. Suara vokal di lakukan 2 kali 8 hitungan, sedangkan koir 4 kali 6 hitungan. Tampaknya persembahan ini sesuatu yang memiliki bentuk yang sederhana dan bersahaja di antara penari dalam kumpulan ini.

Babak VI: Pada bagian ini adalah babakan yang menyeronokkan. Mereka bergerak sambil bertepuk tangan, sedangkan Kiut dikepit di antara ketiak lengan kiri. Semua gerak geri tampaknya sedikit sudah dinamik dari gerak sebelumnya dan ada peningkatan energi untuk menari terus bergembira. Dari syair yang diucapkan menggambarkan suasana "kebesaran" dari hasil padi yang diperolehi dan kemudian ditemui ucapan kata "*salam*" dan "*Bujang*" (?). Di bagian ini suara vokal 2 kali 8 hitungan, sedangkan koir terdapat 4 - 4 hitungan, lalu mereka bersorak kembali seperti babakan ke-3 di atas. Tampaknya di bahagian inilah seluruh puncak persembahan mulai mereka lakukan, kerana tingkat dinamik gerak dan ditambahkan dengan sorak-sorai kegembiraan bersama-sama.

Babak VII: Pada bagian babakan terakhir ini tampaknya sedikit suasana sudah menurun dari sebelumnya. Suara vokal 8 kali 4 hitungan dalam rentangan durasi pendek-pendek dan hampir sama seperti yang terdapat pada babakan pertama dan kedua (I dan II), sedangkan koir dilakukan 6 kali 7 hitungan. Gerak geri bagian ini mulai mengambil posisi duduk semua kembali, mendekati satu orang penari yang duduk di lantai dan mereka duduk semuanya menghadap ke bagian satu arah penonton. Sementara Kiut yang dipegang sudah tidak kedengaran lagi bunyi ketukannya di lantai. Akhir puncak persembahan mereka bersorak bersama dengan suara agak keras sebanyak 3 kali. Dan mungkin bagi mereka sorakan ini menandakan tarian dan persembahan ditamatkan untuk menyatakan estetika tarian yang sederhana.

Di samping itu, dari bentuk syair (naratif) yang disampaikan sudah menunjukkan gambaran kebesaran daripada hasil padi yang diperolehi. Persembahan ditutup dengan

pengucapan *salam* yang memiliki keindahan tersendiri pula berdasarkan kepada nilai estetika secara tradisi bersama dalam masyarakat Ulu Temeling. Tetapi, yang menjadi persoalan bagi penulis, ialah apa yang dimaksudkan dengan erti *Bujang* dalam syair yang diucapkan. Persoalan ini menjadi tanda tanya besar dan menarik untuk kajian aspek tema cerita dalam tarian oleh kita bersama. Faktor apa pula yang menyebabkan perkataan *Bujang* itu muncul dalam persembahan mereka. Kerana perkataan *Bujang* dapat merujuk kepada erti lelaki, sedangkan tema utama dalam cerita ini adalah Puteri Tujuh Beradik dan Puteri Bunian, sebagai perempuan. Sementara itu, mungkin yang disimbolkan sebagai Anak Indong (Nyanyian; Mamulang Anak Indong) itu adalah seorang *Bujang* yang harus dipulangkan ke puncak Gunung Tujuh dan barangkali sahaja ibunya ialah seorang Puteri Bunian. Tema ini memberi suatu kesan yang menarik kepada kita, kerana di dalam cerita tersirat beberapa persoalan konflik di antara watak-watak legenda yang boleh dikoreografikan menjadi sebuah drama-tari yang mengandungi keindahan.

Dari struktur persembahan tarian Anak Indong di atas, mungkin banyak orang tidak dapat menerima kenyataan ini sebagai sebuah pernyataan budaya yang murni dan bersahaja. Kerana sebahagian memberikan penilaian yang lain dari pelbagai aspek estetika dan apresiasinya yang berbeza. Dan tentunya lebih buruk dan kadang-kadang kurang mendapatkan nilai yang memberangsangkan jiwa dan raga seseorang yang sedang mengamatinya. Di lain sisi pula persembahan Anak Indong tersebut merupakan mutiara dan bahan kajian yang tidak dapat dinilai harganya oleh sarjana etnologi-tarian. Kerana mereka mengadakan persembahan yang langsung datang dari perdalamankampung yang jauh tersuruk di hutan Pahang. Bagi setengah pengkaji di bidang ini adalah bahan yang patut menjadi perhatian dan perbincangan untuk menemukan fenomena apa yang berlaku pada sesebuah cerita seni persembahan tradisional yang cukup banyak dan berselerak di Alam Melayu-Nusantara ini.

Mengikut Umar Kayam, seni persembahan seperti itu diistilahkan sebagai *media komunikasi kebudayaan*.<sup>12</sup> Lalu, faktor apa pula yang dapat memperkuat mereka untuk berkomunikasi, baik secara pengalaman mistik yang lama atau yang dipercayai oleh masyarakat dahulu untuk mengatakan bahawa adanya Puteri Bunian yang berdiam di atas Gunung Tujuh, di Pahang. Kerana cerita ini merupakan suatu kejadian dari kenyataan realiti yang mengikut masyarakat tempatan, pada ketika dahulu memang dirasakan adanya kuasa ghaib dan menjadikan angin ribut memusnahkan tanaman sawah padi mereka. Sekarang, bagaimana pula kita melihat tema cerita ini, supaya dapat dijadikan sumber rangsangan awal untuk memperkemas dan menyusun sebuah koreografi seni tarian atau drama-tari dalam keperluan kontemporari masa kini.

Di tanah Jawa dan Bali pula seni persembahan tradisional atau seni klasik sebagai media komunikasi perhubungan mistik dan ritual masih dapat dilihat pada beberapa persembahan tertentu di istana raja-raja Jawa atau raja Bali. Yang jelas faktor agama dan kepercayaan tertentu turut memainkan peranan penting, walaupun tingkat estetiknya beraneka ragam dan coroknya yang berbeza antara satu dengan yang lain. Misalnya dalam sejarah perkembangan Islam di Jawa, peranan muzik gamelan yang dipilih oleh para Wali Sembilan (Wali Songo) adalah suatu bukti menandakan penyiaran agama Islam menggunakan media instrumen muzik tradisi sebagai kekuatan untuk mengumpulkan orang ramai pada suatu perhimpunan dakwah agama. Dan banyak lagi contoh lain yang boleh diperbincangkan untuk menemui tingkat estetika yang bermakna dan penuh dengan nilai-nilai rohani (*spiritual*), supaya mendapatkan kehidupan yang harmoni sesebuah kelompok masyarakat.

<sup>12</sup> Umar Kayam mengistilahkan "media komunikasi kebudayaan" itu adalah termasuk cerita-cerita yang meresap dalam kehidupan rakyat, pertunjukan wayang, tarian dan relief di pura atau candi. Dan tentu sekali cerita lewat mulut ke mulut. Dengan erti kata apa yang mereka lukis itu adalah tema-tema yang sudah akrab dengan kehidupan sehari-hari dalam sebuah masyarakat tertentu untuk melihat suatu keindahan dan gaya sebuah karya seni (Umar: 1981, hlm. 13).

## **6. Penutup**

Untuk memahami estetika keindahan sebuah seni persembahan tradisional, kita harus berusaha mengembangkan pelbagai pengalaman-pengalaman keindahan itu. Banyak cara untuk memahami keindahan atau estetika dari karya seni. Dan ini bergantung dari sudut mana kita melihatnya. Terutamanya kita perlu mengarahkan, mencari dan menemukan refleksi falsafah sesebuah seni yang melatarbelakangi dengan meningkatkan apresiasi, meskipun seni yang dinikmati itu ialah dalam bentuk tradisi, moden atau kontemporari sekalipun. Kerana pengalaman keindahan yang dimiliki seseorang dalam memperhatikan karya seni adalah diperlukan beberapa hal, seperti ketajaman pandangan, getaran jiwa, rasa estetika yang tinggi, kehalusan dan adab budi yang baik. Estetika boleh memberi sesuatu kebahagiaan dan menenangkan jiwa untuk mendapatkan kehidupan yang harmoni.

Mudah-mudahan sahaja perkembangan estetika dapat dipertingkatkan lagi sejajar dengan bidang kritik seni di dalam masyarakat, terutamanya dapat disuburkan dilakangan masyarakat akademik. Sehingga kita dapat menemukan sesuatu keindahan yang sederhana. Sekian.

## Bibliografi

- Anton Bakker dan Achmad Charris Zubair. *Metodologi Penelitian Filsafat*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 1990.
- Edi Sedyawati. *Pertumbuhan Seni Pertunjukan*, Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, 1981, hlm. 27.
- Edi Sedyawati dan Sapardi Djoko Damono (ed). *Seni Dalam Masyarakat Indonesia* . . Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia, 1983.
- Fx. Mudji Sutrisno SJ dan Christ Verhaak SJ. *Estetika: Filsafat Keindahan*. Yogyakarta: Pustaka Filsafat, Penerbit Kanisius, 1993.
- Harun Mat Piah. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Mohd Affandi Hassan. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Sidi Gazalba. *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1977.
- Umar Kayam. *Seni, Tradisi.dan Masyarakat*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, 1981.